

Lima tahun tidak selenggara

Penduduk bimbang kawasan semak jadi tempat biak haiwan liar

TELOK DATOK - Tanah bersebelahan Sungai Langat berhampiran perumahan di Taman Sri Telok Datok kini semak samun mengundang kebimbangan dalam kalangan penduduk.

Penduduk, Mohd Fadzil Hamdan, 43, berkata, kawasan semak yang tidak diselenggarakan lebih lima tahun itu didakwa menjadi lokasi pembiakan haiwan liar seperti ular dan monyet.

Menurutnya, keadaan ini merisaukan penduduk yang tinggal di deretan rumah berhadapan semak samun itu sehingga terpaksa menutup tingkap akibat risau haiwan tersebut memasuki rumah mereka.

"Selain itu, difahamkan penduduk membuat aduan kepada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) beberapa kali, namun dimaklumkan bukan di bawah bidang kuasa mereka.

"Bagaimana perkara ini boleh berlaku sedangkan pihak terbabit perlu mengambil tindakan kerana melibatkan kawasan perumahan bawah seliaan MDKL," katanya.



MOHD FADZIL

Seorang lagi penduduk, Zawalajam Mashod, 35, berkata, apabila keadaan sudah semak terdapat pihak tertentu mengambil kesempatan membuang sampah termasuk lebihan bahan binaan.

Katanya, keadaan ini merisaukan penduduk kerana terpaksa berhadapan situasi longgokan sampah oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Bagaimanapun, longgokan sampah juga tidak dapat dilihat kerana ditutupi semak samun sehingga tidak lagi nampak sungai di hadapan rumah.

"Walaupun difahamkan status tanah adalah tanah Lesen Pendudukan Sementara



ZAWALAJAM

(TOL) tetapi pihak berkenaan sewajarnya mengambil serius hal ini," katanya.

Bagi Mohammad Khairul Abdul Samad, 45, berkata, dia mahu penyelenggaraan segera dilakukan bagi mengelakkan aktiviti sosial berlaku di kawasan itu.

Katanya, walaupun mempunyai pasukan rondaan sukarela, keadaan ini perlu diambil tindakan supaya tiada kejadian tidak diingini berlaku terutamanya waktu malam kerana laluan tersebut sangat sunyi.

"Selain itu, pihak bertanggungjawab juga diharapkan tidak menuding jari kepada sesiapa dan bersikap



Keadaan semak samun sehingga menjejaskan pemandangan tepi sungai.

terbuka untuk menyelesaikan masalah penduduk di sini.

"Dalam pada itu, cadangan supaya memasang pagar berhampiran sungai dapat dilaksanakan bagi mengelakkan aktiviti membuang sampah berlaku," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali ketika dihubungi memaklumkan sungai di bawah kawalan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Jabatan Pengairan

dan Saliran (JPS) sekali gus Luas boleh mengambil tindakan kompaun dan mahkamah di bawah Enakmen Air.

Bagaimanapun, katanya, Jabatan Alam Sekitar juga mempunyai peranan di bawah akta kualiti alam sekitar di bawah pencemaran sungai dan pejabat tanah juga boleh membuat tindakan penguatkuasaan bahan batuan dan *concrete waste* di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara- pengalihan bahan batuan tanpa

permit yang sah.

"Oleh kerana semua rizab sungai adalah tanah kerajaan pejabat tanah dan daerah disarankan supaya memantau perkara ini.

"Dalam pada itu, MDKL tetap komited membantu dan mengambil tindakan pengambilan sampah haram kepada semua pihak yang mencemarkan sungai sekali gus meminta kerjasama semua pihak untuk menjaga alam sekitar," katanya.